



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"MENYANTUNI WARGA KELAINAN UPAYA"

14 Julai 2023 / 25 Zulhijah 1444

الْحَمْدُ لِلّٰهِ¹ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ وَعَلَمَهُ الْبَيَانَ، وَجَلَّهُ بِالْعُقْلِ وَشَرَفَهُ بِالْإِيمَانِ، وَفَضَّلَهُ بِالْعِلْمِ عَلَى سَائِرِ الْحَيَّاَنِ۔ أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ الْمَلِكُ الدَّيَّانُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوتُ إِلَى الْإِنْسِ وَالْجَانِ، اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ بِالْإِحْسَانِ۔ أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ³ أَوْصِنُوكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللّٰهُ فَقْدَ فَازَ الْمُتَّقُونَ۔

Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan semua larangan Nya; membersihkan jiwa dari segala dosa dan noda, serta sifat-sifat mazmumah yang menghitamkan hati dan merosakkan amal. Mudah-mudahan kita dihimpunkan di hadapan Allah SWT dengan membawa *qalbun salim* (hati yang sejahtera) dan bekalan amal yang diterima. Mimbar hari ini akan memperdengarkan khutbah bertajuk: "**MENYANTUNI WARGA KELAINAN UPAYA**"

Firman Allah SWT, ayat 17 surah al-Fath:

﴿لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَى حَرَجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرَجٌ وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ حَرَجٌ وَمَنْ يُطِعِ اللّٰهَ وَرَسُولَهُ وَيُدْخِلُهُ جَنَّتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ وَمَنْ يَتَوَلَّ يُعَذِّبُهُ عَذَابًا أَلِيمًا﴾ ﴿١٧﴾

Bermaksud: Tidaklah menjadi kesalahan bagi orang yang buta, orang yang tempang, dan orang yang sakit (apabila tidak ikut berperang, kerana masing-masing ada keuzurannya). Sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul Nya, Dia akan memasukkannya ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, dan sesiapa yang berpaling ingkar, Dia akan mengazabnya dengan azab yang tidak terperi sakitnya.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Jemaah yang dimuliakan,

‘Orang Kurang Upaya’ dikenali dengan singkatan ‘OKU’ atau lebih disenangi dengan panggilan ‘Orang Kelainan Upaya’ ialah mereka yang terhalang oleh keadaan fizikal atau mental, dari berupaya melakukan kegiatan-kegiatan biasa yang pada kebiasaannya berupaya dilakukan oleh rakan sebaya mereka.

Jabatan Kebajikan Masyarakat merekodkan, sehingga Januari 2023 terdapat seramai enam ratus tiga puluh tujuh ribu, lima ratus tiga puluh tujuh (637,537) ‘OKU’ berdaftar di seluruh Malaysia; lima puluh lima ribu, tiga ratus tiga puluh tiga (55,333) ‘OKU’ berdaftar di negeri Perak. Dipercayai jumlah sebenar bilangan ‘OKU’ lebih ramai daripada angka yang didaftarkan.

Islam merupakan rahmat besar buat sekalian insan. Islam tidak menyisihkan atau mengasingkan golongan ‘Orang Kelainan Upaya’. Islam memberikan perhatian khusus serta keistimewaan kepada orang kelainan upaya. Ayat 17 surah al-Fath yang khatib dengarkan pada awal khutbah diturunkan bagi menjawab persoalan, adakah orang mukmin yang buta, tempang dan sakit perlu menyertai peperangan. Lalu Allah SWT menjelaskan bahawa golongan kelainan upaya ini diberikan keringanan daripada dilibatkan ke medan perang dengan asbab kekurangan upaya yang mereka alami – membuktikan warga sebegini, bukan sahaja tidak disisihkan, malah diberikan pengiktirafan oleh Allah SWT untuk diberikan keistimewaan tugas yang lebih ringan.

Menyantuni warga kelainan upaya juga merupakan amalan mulia dan sunnah Baginda SAW. Peristiwa Baginda SAW bersama Abdullah Ibnu Ummi Maktum yang cacat penglihatan tercatat dalam surah Abasa ayat 1 dan 2:

﴿عَسَ وَتَوْلَىٰ أَن جَاءَهُ الْأَعْمَىٰ﴾

Bermaksud: Dia (Muhammad) memasamkan muka dan berpaling. Kerana seorang buta datang kepadanya.

Ibnu Kathir menghuraikan, Abdullah Ibnu Ummi Maktum menghampiri Baginda SAW kerana ingin mendapat nasihat agama, ketika itu Baginda SAW dikelilingi oleh pembesar Quraisy yang mahukan penjelasan mengenai Islam. Baginda SAW berpaling dan tidak memberikan layanan kepada Abdullah kerana memilih memberikan keutamaan kepada pembesar Quraisy dengan harapan sekiranya mereka memeluk Islam,



maka pengikut-pengikut mereka juga akan turut memeluk Islam. Lalu Allah SWT menegur Baginda SAW dengan menurunkan ayat 1 hingga 16, surah *Abasa*. Selepas peristiwa tersebut, Baginda SAW sentiasa memberikan layanan baik kepada semua orang yang datang menemui baginda lebih-lebih lagi terhadap golongan kelainan upaya.

Hadirin Rahimakumullah,

Ujian Allah SWT ke atas ‘Orang Kelainan Upaya’ dan ahli-ahli keluarga mereka, merupakan satu penilaian keimanan terhadap qada dan qadar. Kita wajib insaf bahawa tidak ada yang sempurna sifatnya melainkan Allah. Oleh sebab itu dalam menghadapi ujian hidup yang datangnya daripada Allah SWT, kembalilah kita bergantung pada kuasa yang sebenar-benar kuasa dengan keinsafan bahawa semua makhluk bergantung pada Allah SWT, Tuhan Yang Maha Hebat lagi Maha Agung. Firman Allah SWT dalam ayat 51, surah *At-Taubah* bermaksud;

Katakanlah (wahai Muhammad), “Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa-apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kami. Dialah pelindung yang menyelamatkan kami dan (dengan kepercayaan itu), hanya kepada Allah jualah orang yang beriman bertawakal”

Ketika ummah dikurniakan nikmat kesempurnaan anggota tubuh badan serta kebolehan melakukan kegiatan harian dengan baik, ummah perlu mensyukuri kurniaan Ilahi dengan memahami keperluan - menyelami kesukaran OKU, lalu tampil menghulurkan bantuan dan memberikan sokongan. Mereka merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat dan berhak menikmati hak asasi seperti insan lain.

Sesungguhnya Allah bukan hanya menguji mereka yang berada dalam kategori OKU, Allah SWT sebenarnya sedang menguji sifat-sifat kesabaran, keinsafan, kesyukuran dan kemanusiaan kita yang dikurniakan kesempurnaan sifat; adakah kita menyantuni OKU dengan baik, menunjukkan tanggungjawab, rasa simpati, belas dan kasih, lalu terpanggil untuk menolong.

Menginsafi pelbagai kesulitan yang dihadapi oleh ‘Orang Kelainan Upaya’, mimbar menyeru agar dihayati firman Allah SWT yang terkandung dalam ayat 2, surah *Al-Maidah* yang bermaksud;

...Dan hendaklah kamu tolong-menolong dalam membuat kebajikan dan bertakwa...



Antara perkara yang boleh dilakukan:

Pertama: Menyediakan kemudahan-kemudahan yang mesra OKU di tempat-tempat awam, di dewan kuliah dan bilik darjah, di tempat-tempat rekreasi, termasuk di tempat-tempat ibadah, tempat rehat, tempat meletak kenderaan dan tandas.

Kedua: Menyediakan peluang belajar dan latihan yang dirangka sesuai dengan keadaan mereka, juga memperbanyakkan tempat-tempat belajar atau kemudahan latihan kepada OKU yang dapat membantu mereka menjadi insan celik huruf dan celik ilmu, lalu dapat meningkatkan keyakinan diri mereka.

Ketiga: Memikirkan dan mewujudkan peluang pekerjaan yang sesuai dengan keadaan mereka, agar mereka merasakan diri mereka berharga dalam masyarakat, di samping dapat meningkatkan keyakinan diri mereka untuk boleh berdikari.

Keempat: Menambahkan dan meluaskan penyebaran bahan bacaan ‘braille’ sehingga ke desa-desa untuk memperkayakan sumber dan khazanah ilmu pengetahuan kepada warga yang kurang upaya penglihatan.

Kelima: Memperlihatkan dan mengamalkan sifat kasih sayang, terutama ibu bapa dan anggota keluarga yang memiliki anak-anak kelainan upaya. Insya-Allah, terkandung hikmah dan ganjaran besar daripada Allah SWT terhadap mereka yang berjaya menghadapi ujian llahi dengan semangat tabah, sabar dan redha.

Keenam: Menghargai dan mengasihi warga kelainan upaya dengan tampil menghulurkan derma, bantuan, sokongan dan dorongan terhadap apa jua usaha yang mendatangkan kebaikan kepada mereka.

Dalam usaha menyantuni golongan ini, Jabatan Agama Islam Perak telah mengadakan program-program berbentuk kerohanian, antaranya ibadah pesakit OKU, Indahnya Hidup Bersyariat OKU, kelas mingguan fardu ain OKU, dan pelbagai program lagi untuk menyediakan peluang kepada mereka mendapatkan pendidikan agama.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ، وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَيَّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُمْ وَسَلَامُهُمْ تَسْلِيمًا⁵
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁶، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْأَفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ⁷.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Bimbing kami untuk saling bantu membantu dalam perkara kebaikan. Tautkan hati kami untuk saling kasih mengasihi sesama insan, mengakui setiap kekurangan dan kelebihan yang dikurniakan dan saling melengkapi antara satu sama lain. Kurniai ketabahan dan kesabaran kepada ibu bapa dan ahli keluarga yang memiliki anak-anak kelainan upaya, dan limpahi anak-anak istimewa ini dengan kelebihan rezeki.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَّا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَانِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَائِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَيْ نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطُكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.